

Potongan dan Pelepasan Cukai Individu

Bersama

ENCIK SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my



PADA keluaran artikel yang lepas, (Usahawan Sukses keluaran Jan/Feb 2006) kita telah membincangkan serba sedikit tentang pentingnya pengurusan cukai. Dengan adanya pengurusan yang berkesan dan terancang, pihak pembayar cukai dapat mengurangkan liabiliti cukai, mengelak daripada membayar penalti dan kompaun yang akan dikenakan akibat dari kecuaiian dan kesilapan. Seperti yang kita sedia maklum, bulan April sehingga Jun adalah tempoh yang sibuk bagi pembayar cukai. Ini disebabkan pengembalian Borang BE (untuk penggajian individu swasta dan penjawat awam) perlu dikemukakan pada bulan April, manakala Borang B (untuk perniagaan individu) hendaklah dikemukakan pada bulan Jun bagi sesuatu tahun kalendar.

Artikel kali ini akan membincangkan berkenaan pelepasan/tuntutan perbelanjaan, rebat cukai dan insentif cukai secara umum bagi individu seperti yang digariskan oleh Akta Cukai Pendapatan, 1967, (ACP, 1967). Adalah dinasihati, agar setiap pembayar cukai mengambil peluang daripada pelepasan, rebat dan insentif cukai yang diperuntukkan oleh ACP, 1967. Seterusnya kita akan membincangkan contoh pengiraan cukai individu untuk membolehkan setiap pembayar cukai lebih memahami tuntutan potongan dan pelepasan yang diberikan.

Pelepasan cukai/tuntutan perbelanjaan dibenarkan

Berikut adalah beberapa pelepasan yang dibenarkan oleh ACP 1967 bagi pemastautin cukai di Malaysia.

Untuk pelepasan diri, sebanyak RM8,000 diberikan kepada setiap individu. Bagi suami/isteri yang me-

milih taksiran bersama pelepasan tambahan sebanyak RM3,000 diberikan. Sebagai tambahan, pelepasan juga diberikan kepada suami/isteri yang hilang upaya iaitu sebanyak RM3,000. Pembayar cukai perlu mengira dan membandingkan terlebih dahulu pengiraan cukai pendapatan individu sebelum membuat pilihan untuk taksiran bersama atau taksiran berasingan. Ini disebabkan sejumlah penjimatan cukai boleh dibuat daripada pemilihan yang bijak.

Bagi pembayar cukai yang menanggung perubatan ibu bapa, pelepasan diberikan terhad kepada

disimpan oleh pembayar cukai bagi tujuan pengesahan tuntutan perbelanjaan dibuat.

Secara umumnya, semua sedia maklum kos perubatan semakin meningkat. Bayaran perubatan bagi penyakit yang sukar dirawat seperti AIDS, sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia, serangan jantung dan lain-lain penyakit yang serius dihadkan kepada RM5,000 untuk diri sendiri, isteri/suami dan anak. Digalakkan pembayar cukai membuat pemeriksaan perubatan penuh. Pemeriksaan perubatan dibenarkan sebagai potongan



• Faedah pinjaman perumahan juga diberi pelepasan kepada individu

RM5,000. Di samping itu, perbelanjaan untuk membeli peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, isteri, suami, anak dan ibu bapa yang hilang upaya juga dibenarkan dan terhad kepada RM5,000.

Sebagai menghargai dan mengurangkan beban pembayar cukai yang hilang upaya, pelepasan tambahan sebanyak RM6,000 diberikan. Resit asal perbelanjaan hendaklah

terhad kepada RM500 untuk diri sendiri, suami/isteri dan anak.

Selaras dengan dasar kerajaan yang mengalakkan penglibatan ke bidang teknologi, yuran tahunan pendidikan dalam bidang teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi maklumat yang diluluskan sehingga ke peringkat lepasan ijazah di mana-mana institusi di Malaysia yang diiktiraf adalah dibenarkan

terhad kepada RM5,000 sahaja.

Bagi menggalakkan rakyat Malaysia menanam sifat membaca dan menambah pengetahuan ilmiah, pembelian buku/majalah selain surat khabar atau bahan bacaan terlarang diberikan pelepasan sehingga RM700 setahun bermula dari Tahun Taksiran 2005.

Untuk pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun ke bawah diberi pelepasan RM1,000 bermula Tahun Taksiran 2004. Bagi anak yang hilang upaya pula diberikan pelepasan sebanyak RM5,000. Pelepasan juga diberikan kepada anak yang berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan lanjutan di dalam Malaysia iaitu sebanyak RM4,000 di mana bidang yang diikuti tidak termasuk kursus berbentuk matrikulasi/persediaan. Bagi anak yang berumur 18 tahun ke atas dan menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia dan mula belajar dalam tempoh 01.01.1994 hingga 16.10.1997 diberi pelepasan sebanyak RM2,000 manakala yang melanjutkan pengajian bermula 17.10.1997 sehingga tahun 2005 diberikan pelepasan sebanyak RM1,000. Bagi tahun 2006, pelepasan tersebut dibenarkan sehingga RM4,000.

Faedah pinjaman perumahan juga diberi pelepasan mengikut peruntukan Seksyen 46A di mana perjanjian jual beli yang ditandatangani dalam tempoh 01.06.2003 – 31.05.2004 bagi pembelian rumah kediaman pertama individu berharga tidak kurang RM100,000 dan tidak melebihi RM180,000 untuk dijadikan tempat tinggal sendiri adalah terhad kepada RM5,000 bagi Tahun Taksiran 2003, RM3,000 (T/T 2004) dan RM2,000 (T/T 2005).

Bagi jaminan kewangan dan perlindungan diri di masa hadapan, kerajaan juga telah membenarkan tuntutan KWSP dan insurans nyawa. Jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM6,000 dan



- Individu boleh menuntut perbelanjaan bagi kos perubatan bagi penyakit yang sukar dirawat

RM6,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan bagi tahun 2005. Sekiranya suami/isteri memilih taksiran bersama, premium insurans nyawa dan KWSP adalah terhad kepada RM6,000 sahaja. Premium anuiti KWSP pula diberi pelepasan berasingan sehingga RM1,000 kepada individu yang membeli anuiti melalui skim anuiti KWSP. Bagi premium insurans pendidikan dan faedah perubatan untuk individu, suami/isteri dan anak, diberikan pelepasan sebanyak RM3,000.

Rebat

Selain pelepasan atau potongan perbelanjaan yang dibenarkan, terdapat juga beberapa rebat yang diberikan kepada pembayar cukai yang boleh ditolak daripada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan. Rebate yang diberikan adalah seperti berikut:

Bagi mengurangkan beban kepada pembayar cukai yang berpendapatan rendah, rebat cukai individu yang diberikan adalah sebanyak RM350 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000.

Manakala pembayar cukai yang beragama Islam, bayaran zakat atau fitrah yang dibuat kepada institusi yang diluluskan dalam tahun asas di-

berikan sebagai rebat.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, kerajaan telah memberikan rebat terhadap pembelian komputer kepada individu yang bermastautin di mana rebat yang diberikan adalah terhad kepada RM500 bermula tahun 2005. Rebate ini diberikan dalam tempoh lima tahun sekali. Rebate penuh juga diberikan bagi Fi (levi) yang telah dibayar oleh pemegang pas pengajian, pas pelawat (kerja sementara) atau pas kerja menurut mana-mana perintah yang dibuat Akta Fi 1951.

Penutup

Di bawah sistem taksiran sendiri (STS), pembayar cukai tidak perlu lagi menghantar Borang EA atau EC, resit bayaran, resit derma dan semua dokumen sokongan tetapi ACP 1967, menghendaki pembayar cukai menyimpan semua dokumen berkaitan selama tujuh tahun. Dokumen sokongan ini hendaklah disimpan di tempat yang selamat bagi membolehkan pihak LHDN menjalankan audit cukai pada masa akan datang. Sekiranya pihak LHDN menjalankan audit cukai ke atas pembayar cukai dan dokumen ini tidak dapat dikemukakan, tuntutan perbelanjaan tersebut tidak akan dibenarkan dan taksiran cukai tambahan akan dikeluarkan berserta dengan penalti sebanyak 60 peratus akan dikenakan.

Setelah membincangkan pelepasan dan potongan tuntutan perbelanjaan dibenarkan, diharap pembayar cukai bolehlah membuat tuntutan semaksimum mungkin bagi perbelanjaan yang layak dibuat. Ini akan memudahkan pembayar cukai membuat taksiran cukai pendapatan dan menyimpan dokumen berkaitan bagi tujuan pemeriksaan LHDN. Hasilnya, pembayar cukai akan membayar sejumlah cukai yang betul pada masa yang ditetapkan dan sekali gus mencapai objektif sistem taksiran sendiri yang telah diperkenalkan.

RINGKASAN POTONGAN INDIVIDU PEMASTAUTIN MENGIKUT JENIS TAKSIRAN

Bil	Jenis Potongan	Berkahwin			
		Bujang	Taksiran Berasingan		Taksiran Bersama Suami dan Isteri
			Suami	Isteri	
1.	Diri dan tanggungan RM8000	✓	✓	✓	✓
2.	Individu hilang upaya RM5000	✓	✓	✓	✓
3.	Isteri atau suami hilang upaya RM3500	-	-	-	✓
4.	Bayaran untuk pengajian meningkatkan kemahiran atau kelayakan dalam bidang teknikal, vokasional, industri, sains atau teknologi (maksimum RM5000)	✓	✓	✓	✓
5.	Perbelanjaan rawatan perubatan ibu bapa (maksimum RM5000)	✓	✓	✓	✓
6.	Perbelanjaan rawatan penyakit serius bagi diri, isteri dan anak (termasuk pemeriksaan kesihatan menyeluruh terhadap kepada RM500) (maksimum RM5000)	✓	✓	✓	✓
7.	Perbelanjaan membeli alat sokongan asas individu hilang upaya (maksimum RM5000)	✓	✓	✓	✓
8.	Isteri atau suami RM3000	-	-	-	✓
9.	Anak RM1000	-	✓	✓	✓
10.	Anak cacat RM5000	-	✓	✓	✓
11.	Caruman kepada KWSP atau Kumpulan Wang Pencen dan premium insurans nyawa Diri (maksimum RM6000), Isteri (maksimum RM6000)	✓	✓	✓	✓
12.	Bayaran premium insurans untuk pelajaran dan manfaat perubatan Diri (maksimum RM3000) Isteri (maksimum RM3000)	✓	✓	✓	✓
13.	Bayaran premium anuiti yang dibeli melalui skim anuiti KWSP Diri (maksimum RM1000) Isteri (maksimum RM1000)	✓	✓	✓	✓
14.	Perbelanjaan membeli buku, jurnal dan majalah (maksimum RM700)	✓	✓	✓	✓
15.	Bayaran faedah yang dibelanjakan untuk pinjaman membeli rumah kediaman RM2000	✓	✓	✓	✓

REBAT CUKAI PENDAPATAN BAGI INDIVIDU YANG MEMPUNYAI PENDAPATAN BERCUKAI KURANG DARIPADA RM35 000 DAN REBAT CUKAI LAIN

Rebat Cukai Pendapatan	Amaun (RM)
• Taksiran Berasingan Suami	350
Isteri	350
• Taksiran Bersama Suami	350
Isteri	350
Jumlah	700
• Taksiran apabila Salah Seorang Suami atau Isteri Tiada Jumlah Pendapatan Suami	350
Isteri	350
Jumlah	700

Rebat Cukai Pendapatan	Amaun (RM)
• Zakat/Fitrah	Amaun maksimum tertakluk kepada cukai yang dikenakan
• Pembelian komputer peribadi kegunaan sendiri	RM500
• Levi pekerja asing	Amaun maksimum tertakluk kepada cukai yang dikenakan

jadual Cukai

Kategori	Banjaran Pendapatan Bercukai (RM) (a)	Pengiraan (RM) (b)	Kadar (Peratus) (c)	Cukai (RM) (d)
A	0 – 2500	2500 pertama	0	0
B	2501 – 5000	2500 berikutnya	1	25
C	5001 – 10 000	5000 pertama 5000 berikutnya	3	25 150
D	10 001 – 20 000	10 000 pertama 10 000 berikutnya	3	175 300
E	20 001 – 35 000	20 000 pertama 15 000 berikutnya	7	475 1050
F	35 001 – 50 000	35 000 pertama 15 000 berikutnya	13	1525 1950
G	50 001 – 70 000	50 000 pertama 20 000 berikutnya	19	3475 3800
H	70 001 – 100 000	70 000 pertama 30 000 berikutnya	24	7275 7200
I	100,001 – 150 000	100 000 pertama 50 000 berikutnya	27	14 475 13 500
J	150 001 – 250 000	150 000 pertama 100 000 berikutnya	27	27 975 27 000
K	Lebih 250 000	250 000 pertama setiap RM berikutnya	28	54 975 ...

RINGKASAN PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2005

	RM	RM
Pendapatan		
Penggajian dari Syarikat ABC		50 000
Tolak: Pelepasan		
Diri	8000	
Isteri	3000	
Anak (RM1000 x 2)	2000	
KWSP dan insurans nyawa	6000	
Insurans pendidikan dan perubatan	1500	
Buku/majalah	700	
		(21 200)
Pendapatan Kena Cukai		28 800
Cukai Pendapatan		
Cukai ke atas RM20 000 pertama		475.00
Cukai ke atas baki RM8800 @ 7%		616.00
Jumlah cukai pendapatan		1091.00
Tolak: Rebat individu	350	
Rebat isteri	350	
Zakat pendapatan	100	
		700.00
Baki cukai kena bayar		291.00

Ruangan Soal Jawab

Bersama Encik Salihin Abang

Soalan 1

Saya bekerja sebagai seorang pegawai bank. Saya telah diberitahu oleh kawan saya, bahawa saya boleh menuntut perbelanjaan perubatan ke atas anak saya. Saya bercadang untuk menuntut perbelanjaan tersebut. Saya ingin bertanya sama ada perbelanjaan perubatan boleh dituntut atau tidak? Saya juga ingin tahu apakah jenis perbelanjaan perubatan yang boleh dituntut.

Jawapan

Untuk makluman tuan, perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius yang dibelanjakan atas diri anda, isteri/suami atau anak sehingga maksimum RM5,000 setahun. Anda juga boleh menuntut perbelanjaan perubatan bagi ibu bapa anda sehingga RM5,000 setahun. Perlu diingatkan bahawa pembayar cukai mesti menyimpan semua resit perubatan yang asal. Antara jenis penyakit serius yang dibenarkan adalah seperti AIDS, parkinson, barah, buah pinggang, dan leukaemia. Secara umumnya penyakit yang sukar diubati.

Soalan 2

Saya seorang peniaga tunggal dan ingin membuat bayaran zakat. Adakah bayaran zakat yang dibuat dibenarkan sebagai tuntutan perbelanjaan?

Jawapan

Sekiranya anda seorang Muslim, anda layak menuntut perbelanjaan tersebut sebagai rebat. Resit pembayaran tersebut hendaklah di atas nama pembayar cukai dan perlu disimpan untuk tujuan pemeriksaan pihak LHDN.

Soalan 3

Sekiranya saya menderma kepada tabung masjid atau rumah kebajikan, bolehkah derma tersebut dituntut sebagai potongan cukai pendapatan saya?

Jawapan

Anda boleh membuat potongan atas derma yang telah dibuat sekiranya derma tersebut dibuat ke badan atau tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Kebiasaannya kelulusan yang diberikan akan dinyatakan pada resit derma. Anda perlulah menyimpan resit derma tersebut untuk tujuan pemeriksaan pihak LHDN kelak. 